

19 DEC 1998

RINGGIT-MINGGUAN/I

RINGGIT DIJANGKA DINIAGAKAN BERCAMPUR-CAMPUR MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Ringgit dijangka diniagakan bercampur-campur dalam dagangan lengang minggu depan apabila pelabur-pelabur dijangka meneruskan kegiatan menjual pegangan mereka menjelang tahun baru, kata peniaga-peniaga.

Seorang peniaga berkata dengan kedatangan bulan Ramadhan beserta dengan perayaan Krismas dan cuti tahun baru, pasaran pertukaran asing dijangka tidak banyak aktiviti.

"Bermula minggu depan, akan terdapat penyertaan yang terhad apabila orang ramai mengambil kesempatan daripada cuti perayaan untuk bercuti dan tidak memasuki pasaran." kata peniaga itu.

Ketika kadar silang ringgit dijangka diniagakan dengan terhad, sentimen bagaimanapun dijangka tertumpu kepada serangan seterusnya AS-Britain ke atas Iraq.

Ketegangan terbaru itu juga kelihatan memuncak di Semenanjung Korea dan ini menyebabkan peniaga-peniaga dikatakan akan mengkaji semula strategi pelaburan mereka di bahagian-bahagian terbabit.

Seorang peniaga berkata dolar Amerika mungkin lemah berbanding yen minggu depan apabila perhatian beralih daripada serangan udara ke atas Iraq kepada pendakwaan mahkamah terhadap Presiden Clinton.

Beliau menambah peniaga luar pesisir yang akan akan merangka rancangan pelaburan bagi 1999 mungkin mengehadkan kehadiran mereka dalam pasaran.

Di pasaran tempatan, pakej bantuan kewangan Jepun kepada Malaysia yang berjumlah AS\$2.06 bilion dianggap sebagai positif oleh penganalisis pertukaran asing yang merasakan pakej itu akan membantu menyokong pemulihan ekonomi negara.

Duta Jepun ke Issei Nomura mengumumkan pada Jumaat bahawa pakej itu akan terdiri daripada AS\$1.0 bilion pinjaman yen bantuan pembangunan rasmi (ODA), pinjaman Exim Bank sebanyak AS\$500 dan pinjaman perdagangan jaminan kerajaan Jepun bernilai AS\$560 juta.

Nomura juga berkata pinjaman itu bukan sebahagian daripada pelan Miyazawa bernilai AS\$30.0 bilion bagi rantau Asia kerana rundingan mengenai pinjaman tersebut telah dibuat sebelum inisiatif Miyazawa diumumkan.

Kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa ekonomi dijangka berkembang satu peratus pada 1999 menarik banyak reaksi positif di kalangan pelabur antarabangsa.

"Saya rasa ia jelas menunjukkan kepulangan semula keyakinan kukuh pelabur terhadap ekonomi negara dan dasar kawalan pertukaran selektif adalah unsur-unsur yang membantu proses mempercepatkan pemulihan," kata seorang penganalisis.

Bagi asas mingguan, ringgit keseluruhannya rendah berbanding matawang utama kecuali bagi deustchemark.

Ia rendah sedikit berbanding dolar Singapura pada 2.3051/3064 daripada 2.3042/3060, turun berbanding yen pada 3.3074/3106 daripada 3.2360/2393 sebelumnya, susut berbanding pound sterling kepada 6.3876/3919 daripada 6.3417/3465, tetapi meningkat berbanding deustchemark kepada 2.2932/2938 daripada 2.2994/3004 pada Jumaat minggu lalu.

Di pasaran wang, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Klibor) kekal tidak berubah pada 6.31 peratus manakala wang tiga bulan turun dua mata asas kepada 6.56 peratus.

-- BERNAMA

RIZ ZK